



## **KERTAS CADANGAN BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM RIADHAH PRASEKOLAH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR 2017**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Prasekolah JAIS merupakan sekolah dibawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Menyedari betapa pentingnya aktiviti ko-kurikulum kepada semua kanak-kanak tidak kira peringkat umur, maka program ko-kurikulum peringkat negeri akan diadakan iaitu " Program Riadhah Prasekolah JAIS Peringkat Negeri Selangor 2017". Program ini dirancang dan dilaksanakan untuk memberi peluang kepada kanak-kanak prasekolah beriadah sesuai dengan saranan kerajaan untuk melahirkan insan sihat, cergas, cerdas dan kreatif. Disamping itu program ini dapat merapatkan ukhuwah dan kerjasama sesama peserta dan guru-guru serta masyarakat.

Program ini merupakan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor dan termasuk didalam Unjuran Tahunan perbelanjaan Bahagian Pendidikan Islam JAIS (OS24000, OS27000, OS29000)

### **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Memberi peluang kepada kanak-kanak beriadah sambil belajar berkonsepkan IHES.
- 2.2 Melahirkan semangat silaturrahim dikalangan kanak-kanak, guru-guru, Ibubapa, BPI JAIS dan masyarakat.
- 2.3 Melahirkan kanak-kanak yang mempunyai semangat kesukanan dan jati diri yang mantap, fizikal yang kuat, pemikiran yang kreatif dan kritis ke arah kecemerlangan dunia dan akhirat.
- 2.4 Merealisasikan slogan *1 murid 1 sukan* dan program pembangunan generasi al quran (QGDP).

ACARA BERKUMPULAN			
ACARA	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
1. LARI BERGANTI-GANTI 4 x 10 METER (bawa baton)	4	4	8
2. LARI LOMPAT PAGAR	4	4	8
3. LARI BERHALANGAN BAWA BOLA DALAM KON 4 x 40 METER	4	4	8
4. LARIAN PAPAN IMBANG	4	4	8
5. <i>BALANCING STEP</i>	4	4	8
6. <i>WALKING TURTLE</i>	4	4	8
7. MENARA MENUJU WAWASAN	4	4	8
8. MANIK SEMPUA	4	4	8
ACARA INDIVIDU			
9. <i>WOODEN PUZZLE</i>	1	1	2
10. LARI PECUT 40 METER	1	1	2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>34</b>	<b>34</b>	<b>68</b>
ACARA KHAS			
Perbarisan <i>*jumlah diambil daripada jumlah peserta</i>	Lelaki & perempuan		68

**Nota:**

1. Jumlah penyertaan setiap sekolah: 68 orang.
2. Setiap peserta menyertai 2 acara, dan dibenarkan mengganti 1 acara sahaja.
3. Jumlah sekolah yang menyertai: 12 buah sekolah.

## SYARAT PERBARISAN PROGRAM RIADHAH PRASEKOLAH JAIS NEGERI SELANGOR

1. Peserta terdiri daripada murid Prasekolah JAIS yang berumur 5 dan 6 tahun dan tidak kurang daripada 34 orang peserta.
2. Peralatan yang digunakan adalah bebas mengikut kreativiti masing-masing.
3. Warna tema kontinjen berpandukan tema yang dipilih oleh daerah masing-masing.
4. Tema pakaian \_\_\_\_\_ mengikut syariat Islam.
5. Alat pembesar suara dan minus one tidak dibenarkan.
6. Hanya laluan lintas hormat sahaja yang dibenarkan, berhenti membuat **persembahan tidak dibenarkan sama sekali** .
7. Kedudukan barisan peserta hendaklah dibuat dalam 4 baris.
8. Hanya 4 orang guru pengiring sahaja dibenarkan mengiringi perbarisan. Guru pengiring, **tidak dibenarkan** membantu :
  - a) membawa banner/sepanduk.
  - b) membuat lintas hormat.
9. Setiap perbarisan hanya dikendalikan oleh peserta sahaja.
10. Penggunaan kain rentang, banner dan sepanduk adalah dibenarkan.
11. Keputusan pengadil adalah muktamad.
12. Setiap kontinjen yang melanggar syarat akan dibatalkan penyertaannya.